BAHASA MELAYU
TINGKATAN 1
KEMAHIRAN MENULIS

SOALAN : Banyak peristiwa yang yang telah kita lalui dalam hidup kita. Ceritakan tentang peristiwa yang tidak boleh anda lupakan dalam hidup anda.

PILIH JAWAPAN YANG SESUAI.

kerana dia hendak mengalihkan keretanya ke tempat

asam pedas ikan pari yang dimasak oleh nenek memang sedap

talian telefon di rumah nenek telah terputus

menyebabkan bumbung zink rumah nenek tercabut lalu

agak mendung, namun kami pergi juga kerana ibu telah berjanji

terdengar bunyi petir berdentum dengan kuat

menolong nenek menghidang makanan

melupakan peristiwa itu

bekalan elektrik terputus

sudah sedia menunggu kami di depan pintu.

bangun lalu menyuruh ibuku membantunya mengemaskan

hujan dan angin kencang untuk meminta bantuan

hujan mula turun

mendapatkan ibu dan memapahnya

menolong nenek mengangkat pakaian, kusyen-kusyen dan tilam

LIVEWORKSHEETS

Pada hari itu aku dan ibu pergi ke rumah nenek. Ayah tidak dapat pergi bersama kerana bekerja. Rumah nenek lebih kurang lima kilometer dari rumahku. Cuaca hari itu (1) _____untuk makan tengah hari bersama nenek. Sebaik sahaja kami tiba di rumahnya, nenek (2) _____.

Ibu terus ke dapur (3)_____. Aku pula duduk di ruang tamu sambil menonton televisyen. Di luar, (4) _____ dengan lebat. Sebaik sahaja makanan siap dihidangkan, aku, ibu dan nenek makan tengah hari dengan berselera sekali kerana (5) _____.

Selepas makan, kami duduk diruang tamu sambil menonton televisyen. Hujan di luar semakin lebat disertai angin kencang seolah-olah ribut mahu melanda. Aku mula berasa takut manakala nenek kelihatan agak cemas. Tiba-tiba (6) _____ dan serentak dengan itu (7) _____.

Nenek bingkas (8) _____barang-barang. Ketika itu, air mulai memenuhi halaman rumah nenek. Lalu ibu dengan pantas memasukkan barang-barang penting dan bahan makanan ke dalam beg plastik dan meletakkannya di tempat yang tinggi. Aku pula (9) _____ke atas almari.

Tiba-tiba ibu teringat akan kereta Kancil miliknya yang terletak di halaman rumah. Lalu ibu kelam-kabut mencari kunci kereta (10) _____ yang lebih tinggi. Semasa ibu ingin mendapatkan keretanya, tanpa diduga angin bertiup begitu kencang hingga (11) _____diterbangkan angin. Aku menjerit ketakutan apabila melihat sekeping daripada zink tersebut jatuh mengenal kepala ibuku.

Ibu jatuh tersungkur. Nenek segera (12) _____ masuk ke dalam rumah. Aku ingin menelefon ayah tetapi talian (13) _____. Nenek menyuruh aku meminta bantuan daripada jiran-jiran yang berdekatan. Demi ibu tersayang,

LIVEWORKSHEETS

aku sanggup meredah (14) _____ walaupun dalam keadaan basah kuyup dan kesejukan.

Jiran nenek, Pak Mat memanggil ambulans. Aku dan nenek sama-sama menaiki ambulans tersebut ke hospital. Aku bersyukur ibuku selamat. Walaupun peristiwa itu telah berlaku beberapa tahun yang lalu, namun aku masih tidak dapat (15) _____ terutama setiap kali hujan lebat turun.

LIVEWORKSHEETS